



JABATAN PERDANA MENTERI
AGENCI PENGURUSAN BENCANA NEGARA

OPERASI PEMBENIHAN AWAN (OPA) DI KAWASAN EMPANGAN 1 MAC 2024

Operasi Pembenhian Awan (OPA) ialah proses yang bertujuan untuk meningkatkan paras takungan empangan pada musim kemarau bagi menampung keperluan domestik. Seperti kita sedia maklum sebelum ini, MET Malaysia dengan kerjasama Agensi Pengurusan Bencana Negara (NADMA) dan Tentera Udara Diraja Malaysia (TUDM) telah melaksanakan Operasi Pembenhian Awan (OPA) selama 2 hari iaitu pada **27 dan 28 Februari 2024** di kawasan tadahan **Empangan Bukit Merah, Perak dan Empangan Air Itam serta Empangan Teluk Bahang di Pulau Pinang.**

Menurut MET Malaysia, OPA pada 27 Februari 2024 dilaksanakan pada jam 14:25 petang sehingga 16:45 petang dan waktu pembenhian berlaku ialah jam 15:15 petang sehingga jam 16:00 petang. Manakalah pada 28 Februari 2024, ia dilaksanakan pada jam 14:35 petang sehingga jam 16:55 petang dan pembenhian berlaku jam 15:10 petang sehingga 16:10 petang.

Bacaan peratusan kapasiti air pada 27 Februari **di Empangan Teluk Bahang sebanyak 79.6 peratus, di Empangan Air Itam sebanyak 37 peratus manakala Empangan Bukit Merah 82.86 peratus.** Pada 28 Februari **di Empangan Teluk Bahang sebanyak 79.3 peratus, di Empangan Air Itam sebanyak 37 peratus manakala Empangan Bukit Merah 82.86 peratus.** Setakat 29 Februari 2024, kapasiti air di **Empangan Teluk Bahang sebanyak 79.1 peratus manakala di Empangan Air Itam dan Empangan Bukit Merah kekal sama.**

Berdasarkan kepada bacaan tolok hujan pada 27 dan 28 Februari 2024, tiada rekod hujan dilaporkan di kesemua empangan dalam tempoh tersebut. Walau bagaimanapun, hujan direkodkan di sekitar kawasan tadahan seperti di Taiping (0.7mm) dan Kerian (0.5mm). Tiupan angin yang kencang pada paras 5000 kaki mungkin menyebabkan awan hujan tersasar dari lokasi yang dirancang. Selain daripada itu, OPA yang dilakukan membolehkan penumpuan udara lembap di kawasan utara Semenanjung pada 1 hingga 3 hari akan datang. Penumpuan udara lembap ini dijangka boleh meredakan cuaca panas yang berlaku di utara Semenanjung pada hujung minggu ini.